

1975

PULAU PINANG, 9 NOV. (BERNAMA) -- PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA YANG SEDANG MENUNTUT DI LUARNEGERI BEBAS PULANG KE TANAH AIR DENGAN SYARAT MEREKA TIDAK MELANGGAR SEBARANG UNDANG-UNDANG, MENTERI PELAJARAN DR. MAHATHIR MOHAMED MENYATAKAN HARI INI.

YANG TAKUT UNTUK PULANG KE TANAH AIR ADALAH PARA PELAJAR YANG MERASAKAN DIRI MEREKA BERSALAH.

BELIAU MENGULAS LAPURAN AKHBAR YANG MENGATAKAN SEORANG PEMIMPIN PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA, T.M. KRISHNAN, BIMBANG DIA AKAN DITAHAN DAN DISIKSA BILA PULANG KE TANAH AIR.

+BUKAN NIAT SAYA UNTUK MENGAJAK PULANG PELAJAR-PELAJAR YANG MEMBUAT KACAU,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN AHLI-AHLI UMNO BAHAGIAN BUKIT BENDERA DI TANJUNG TOKONG DI SINI.

DR. MAHATHIR BERKATA, SEBANYAK \$1,473 JUTA YANG DIUNTUKAN BAGI KEMENTERIAN PELAJARAN TAHUN DEPAN AKAN DIGUNAKAN BAGI PEMBANGUNAN YANG MENYELURUH.

INI TERMASUK MENAMBAH BILANGAN GURU DAN MENAIKAN KADAR GURU/ KELAS DARI 1.2 KEPADA 1.4. --BERNAMA 1626/LK